

**BANGAU BATU**  
Pacific Reef Egret

FAMILI: Ardeidae  
NAMA SAINTIFIK: *Egretta sacra*

**CIRI-CIRI**

Terdapat dua morfisma bagi spesies ini. Bagi morfisma gelap, semasa luar musim pembiakan, keseluruhan bulu berwarna kelabu gelap. Semasa musim membiak, terdapat bulu yang panjang pada belakang kepala, dada dan belakang badan. Bagi morfisma putih, semasa luar musim membiak, keseluruhan bulu berwarna putih. Secara relatif, paruhnya tebal dan tumpul di hujung, berwarna hijau pudar kekuningan manakala paruh atas lebih gelap. Kaki agak pendek dan berwarna kekuningan atau kehijauan.

**SAIZ**

Anggaran panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 58 sm.

**MAKANAN**

Terdiri daripada pelbagai jenis haiwan akuatik termasuklah ikan, amfibia, krustasia, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

**HABITAT**

Pantai berbatu, pulau-pulau kecil dan kadangkala di beting lumpur.

**BUNYI**

Mengeluarkan bunyi *ork* semasa mencari makan dan bunyi *squak* semasa mengesan bahaya.

**TABIAT**

Di Asia Tenggara, spesies ini merupakan residen yang biasa atau jarang ditemui.

**PEMBIAKAN**

Musim adalah di antara bulan Mei-Disembar. Individu betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur berwarna hijau kebiruan pudar. Sarangnya berbentuk seperti cawan yang kasar, dibina pada pokok kecil, belukar atau di atas batu.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.